



**LAPORAN LIPUTAN MEDIA HARIAN  
KHAMIS 11 NOVEMBER 2021**

BIL	TAJUK KERATAN AKHBAR	KEMENTERIAN / JABATAN / AGENSI
1. 2. 3. 4. 5. 6. 7. 8. 9. 10. 11.	MAFI LANCAR LAMAN MIKRO PERTANIAN LESTARI, SH -ONLINE MAFI LANCAR LAMAN MIKRO PERTANIAN LESTARI, MALAYSIA AKTIF -ONLINE LEBIH 920,000 AHLI PERTUBUHAN PELADANG BAKAL TERIMA MANFAAT PELADANG-I, SH -ONLINE MAFI AGIH KAD PINTAR KELUARGA PELADANG, BH -ONLINE RONALD KIANDEE HADIR PRA PELANCARAN SMART CARD KELUARGA PELADANG, MALAYSIA GAZETTE -ONLINE JAWATANKUASA KHAS RENTAS KEMENTERIAN BANTU ATASI HARGA BAJA, RACUN DIWUJUDKAN, UTUSAN BORENO -ONLINE SELESAI AGIH KAD PINTAR PELADANG-I DISEMBER 2022, NASIONAL, BH -22 MANFAAT KAD PELADANG-I, NASIONAL, SH -18 MAFI LANCAR LAMAN MIKRO BAHARU MINGGU PERTANIAN LESTARI, NEGARA, KOSMO -8 MAFI TAWAR INISIATIF HENTI GUNA PUKAT TUNDA, PARLIMEN, HAKAKAH -H28 PUKAT TUNDA ROSAK SUMBER PEMBIAKAN IKAN, KELANTAN, HAKAKAH -H13	KEMENTERIAN PERTANIAN DAN INDUSTRI MAKANAN (MAFI)
12.	PENEMUAN CACING 'HELIKOPTER' PADA PISANG TIDAK BENAR - JABATAN PERTANIAN, ASTRO AWANI -ONLINE	JABATAN PERTANIAN MALAYSIA (DOA)
13.	USAHAWAN TANI HASIL JERUK TIMUN, KELANTAN, HAKAKAH -H13	LEMBAGA PERTUBUHAN PELADANG (LPP)
14.	5,849 HEKTAR SAWAH DI KEDAH DITENGGELAMI BANJIR, UM -ONLINE	LEMBAGA KEMAJUAN PERTANIAN MUDA (MADA)
15. 16. 17. 18. 19. 20. 21. 22.	HARGA RACUN RUMPAI 'BUNUH' PESAWAH, NEGARA, KOSMO -18 REZEKI TENGGUJUH BAGI PEMBUAT BOT, NEGARA, KOSMO -17 PESAWAH TERTEKAN HARGA RACUN NAIK DUA KALI GANDA, NEGERI KEDAH, SH -32 SPESIES IKAN NEMO DIBIAK DALAM AKUARIUM, DALAM NEGERI, UM -33 TIGA TAHUN SUSAH PAYAH BIAK NEMO, NEGARA, KOSMO -14 IMAM KECEWA TILAPIA TERLEPAS KE PARIT, NEGARA, KOSMO -16 'TEMPAH 150, DAPAT 80 SAHAJA, LOKAL, HM -26 MAINTENANCE COST FOR 14 MINISTRIES AMOUNTED TO RM4M, CORPORATE MALAYSIA, THE MALAYSIAN RESERVE -2	LAIN-LAIN

UKKMAFI

UNIT KOMUNIKASI KORPORAT  
KEMENTERIAN PERTANIAN DAN INDUSTRI MAKANAN  
(UNTUK EDARAN DALAMAN MAFI, JABATAN DAN AGENSI SAHAJA)

TARIKH	MEDIA	RUANGAN	MUKA SURAT
11/11/2021	SINAR HARIAN	ONLINE	

## MAFI lancar laman mikro pertanian lestari



Ronald Kiandee

KEMENTERIAN Pertanian dan Industri Makanan Malaysia (MAFI) melancarkan laman mikro baharu pada Selasa bersempena Minggu Pertanian Lestari yang bakal dilangsungkan di Pavilion Malaysia pada Ekspo 2020 Dubai mulai 20 hingga 26 Februari 2022.

Laman mikro baharu yang boleh diakses menerusi <https://www.mafi-events.com> itu menampilkan pengemaskinian, berita, program,

pempamer, syarikat dan perkhidmatan berkaitan Pertanian Lestari pada minggu ke-21 ekspo tersebut yang akan dihoskan MAFI.

Menteri Pertanian dan Industri Makanan (MAFI), Datuk Seri Dr Ronald Kiandee berkata, pembangunan laman mikro itu bertujuan bagi memudahkan pengguna untuk mendapatkan maklumat yang relevan dan meluas mengenai pertanian lestari di Malaysia.

“Ini kerana tidak semua pihak dapat menghadiri ekspo secara fizikal.

“Di samping itu, laman mikro ini merupakan medium penghubung perniagaan yang membolehkan pelawat berhubung dengan syarikat dan agensi yang terlibat dalam minggu Pertanian Lestari.

“Melalui laman mikro ini juga, kami berhasrat untuk menyebarkan luas, mendidik dan berkomunikasi dengan orang ramai di seluruh dunia bagi memacu pertanian lestari di peringkat antarabangsa,” katanya dalam satu kenyataan pada Rabu.



Ronald (tengah) ketika bersama pada majlis pelancaran laman mikro MAFI pada Rabu.

Beliau dilaporkan berkata demikian ketika melancarkan laman mikro tersebut dalam satu majlis yang diadakan di Kuala Lumpur pada Rabu.

Mengulas lanjut, Ronald berkata, menerusi kewujudan laman mikro tersebut, beliau turut menjangkakan penglibatan

berterusan dan perkongsian strategik dapat dilaksanakan sepanjang penyertaan kementeriannya dalam Ekspo 2020 Dubai.

Pengguna laman mikro berpeluang mengakses maklumat setiap syarikat, risalah produk dan video bagi mengetahui lebih lanjut tentang penglibatan peserta dan syarikat-syarikat yang terlibat dalam minggu Pertanian Lestari pada Ekspo 2020 Dubai.

Laman mikro tersebut turut memberikan tumpuan kepada bidang pertanian kelestarian yang akan diketengahkan semasa ekspo tersebut, termasuklah kesejahteraan biodiversiti, pertanian dan penyelesaian bandar pintar serta kekayaan daripada sisa.

Pengguna juga boleh melibatkan diri dalam pepadanan perniagaan dan mengikuti program dianjurkan oleh MAFI sepanjang minggu ke-21 itu yang merangkumi demonstrasi produk dan masakan, ceramah serta program rangkaian.

TARIKH	MEDIA	RUANGAN	MUKA SURAT
11/11/2021	MALAYSIA AKTIF	ONLINE	

## MAFI Lancar Laman Mikro Pertanian Lestari



Foto: MAFI

**PUTRAJAYA, 11 Nov (Malaysiaaktif)** - Kementerian Pertanian dan Industri Makanan (MAFI) semalam melancarkan laman mikro baharu bersempena minggu Pertanian Lestari di Pavilion Malaysia Ekspo 2020 Dubai bermula 20 hingga 26 Februari 2022.

Menterinya Datuk Seri Dr Ronald Kiandee berkata laman mikro berkenaan menampilkan

pengemaskinian, berita, program, pempamer, syarikat dan perkhidmatan berkaitan dengan Pertanian Lestari pada minggu ke-21 ekspo yang akan dihoskan oleh MAFI.

“Laman mikro ini dibangunkan bertujuan memudahkan pengguna untuk melayari maklumat relevan dan sumber yang luas mengenai pertanian lestari di Malaysia, memandangkan tidak semua dapat menghadiri ekspo ini secara fizikal.

“Tambahan pula, laman mikro ini juga adalah medium penghubung bagi penglibatan perniagaan untuk membolehkan pelawat berhubung dengan syarikat dan agensi terlibat dalam minggu Pertanian Lestari,” katanya dalam kenyataan semalam.

Menurut beliau, pengguna laman mikro turut boleh melibatkan diri dalam pepadanan perniagaan dan mengikuti program dianjurkan oleh MAFI sepanjang minggu ke-21 tersebut, merangkumi demonstrasi produk dan masakan, ceramah, dan program jaringan.

Laman mikro berkenaan boleh diakses menerusi <https://www.mafi-events.com>.

-- BERNAMA

TARIKH	MEDIA	RUANGAN	MUKA SURAT
11/11/2021	SINAR HARIAN	ONLINE	

## Lebih 920,000 ahli pertubuhan peladang bakal terima manfaat PELADANG-i



Ronald (tengah) pada Pelancaran Majlis Pra-Pelancaran Smart Card Keluarga Peladang dan Countdown Hari Peladang Penternak dan Nelayan Kebangsaan (HPPNK 2021) di Kuala Lumpur pada Rabu.

KUALA LUMPUR - Kementerian Pertanian dan Industri Makanan (MAFI) menyasarkan lebih 920,000 ahli pertubuhan peladang bakal memiliki Kad Pintar

Keluarga Peladang (PELADANG-i) menjelang penghujung tahun 2022.

Menterinya, Datuk Seri Dr Ronald Khande berkata, kad tersebut bagi memudahkan transaksi pembayaran tanpa tunai dalam urusanniaga ahli dengan semua operasi perniagaan pertubuhan peladang.

Tambahnya, inisiatif tersebut selaras dengan program Dasar Agromakanan Negara (DAN 2.0) yang telah dilancarkan baru-baru ini, pemodenan sektor pertanian menjadi teras utama dalam sektor tersebut.

“Ia juga telah dimasukkan ke dalam Rancangan Malaysia ke-12 (RMK12) bagi mengenal pasti pertanian pintar sebagai salah satu aktiviti strategik dan berimpak tinggi yang dapat menjana semula pertumbuhan ekonomi negara.

“Sepanjang tempoh RMK12, MAFI akan memberi tumpuan kepada pemodenan sektor agro makanan bagi meningkatkan produktiviti dan menjamin sekuriti makanan negara,” katanya.

Beliau berkata demikian pada Pelancaran Majlis Pra-Pelancaran Smart Card Keluarga Peladang dan Countdown Hari Peladang Penternak dan Nelayan Kebangsaan (HPPNK 2021) pada Rabu.

Turut hadir Timbalan Menteri 1, Datuk Seri Ahmad Hamzah; Timbalan Menteri 2, Dr Nik Muhammad Zawawi Salleh; Ketua Setiausaha MAFI, Datuk Haslina Abdul Hamid; Pengerusi Lembaga Pertubuhan Peladang (LPP), Datuk Che Abdullah Mat Nawis; Ketua Pengarah LPP, Datuk Azulita Salim dan Penanggung tugas Presiden dan Ketua Pegawai Eksekutif Agrobank, Khadijah Iskandar.

Dalam pada itu, Ronald berkata, kerajaan sedang melaksanakan pelbagai pelan tindakan dan inisiatif dalam menerajui sektor pertanian dan industri makanan ke arah Revolusi Industri 4.0 (IR4.0) selaras dengan DAN 2.0.

Menurutnya, kad tersebut merupakan kad identiti keahlian Pertubuhan Peladang Kebangsaan (PPK) di seluruh negara bagi memudahkan transaksi pembayaran tanpa tunai.



Tambah Ronald, melalui kad itu juga, ahli peladang juga akan diberi perlindungan Takaful Kasih Plus sehingga RM5,000 atas musibah yang berlaku dengan sumbangan ahli RM5 setahun.



Ronald (tengah) pada sidang media selepas Pelancaran Majlis Pra-Pelancaran Smart Card Keluarga Peladang dan Countdown Hari Peladang Penternak dan Nelayan Kebangsaan (HPPNK 2021).

“Skim ini selaras dengan sokongan dan galakan kerajaan melalui Bajet 2022 yang memperuntukkan sebanyak RM5 juta supaya semua ahli PPK seluruh Malaysia diberi perlindungan.

“Agrobank juga sedang berusaha keras dalam mewujudkan Skim Takaful Agromakanan untuk membantu golongan sasaran yang ditimpa musibah sama ada bencana, serangan penyakit dan ketidakpastian cuaca yang menjejaskan pendapatan mereka,” ujarnya.

Tambah beliau, kementerian percaya inisiatif tersebut akan terus diperkasakan dan melonjakkan penggunaan teknologi digital dalam kalangan ahli peladang ke arah era digitalisasi.

Sementara itu, Ronald berkata, penggunaan Kad Pintar oleh semua ahli peladang akan memudahkan kerajaan dalam mengakses maklumat golongan sasaran untuk menyampaikan pelbagai bentuk bantuan, subsidi dan insentif.

“Data dan maklumat keahlian yang ada termasuk pendapatan, lokaliti dan identiti peladang juga memudahkan kerajaan menyediakan dasar-dasar yang lebih holistik bagi golongan masyarakat peladang, penternak dan nelayan,” ujarnya.

Pada masa sama, Ronald turut melancarkan 'Road to HPPNK 2021' yang bertemakan Terima Kasih Keluarga Agro yang akan dilaksanakan secara hibrid pada 21 hingga 23 Disember ini di Pusat Dagangan Dunia Kuala Lumpur (WTCKL).

Ujar beliau, sebanyak lima anugerah yang akan disampaikan dalam HPPNK 2021 yang meliputi pelbagai kategori bagi menzahirkan penghargaan kepada peladang, penternak dan nelayan.

“Antara tarikan utama ialah segmen Mega Agro Sales (MAS) yang akan menampilkan 200 usahawan dengan lebih 2,000 'Stock Keeping Unit' (SKU) produk.

“Program ini turut menyasarkan 500 peserta secara fizikal di WTCKL dan secara langsung dalam talian dengan melayari [hppnk2021.my](http://hppnk2021.my).

“Kementerian berharap penganjuran HPPNK 2021 akan memberi satu harapan baharu kepada kumpulan sasaran dan pemain industri untuk memulihkan perniagaan dan merancakkan semula ekonomi negara,” katanya.

TARIKH	MEDIA	RUANGAN	MUKA SURAT
11/11/2021	BERITA HARIAN	ONLINE	

## MAFI agih Kad Pintar Keluarga Peladang



KUALA LUMPUR: Kementerian Pertanian dan Industri Makanan (MAFI) akan mengagihkan Kad Pintar Keluarga Peladang (Peladang-i) kepada semua 920,678 ahlinya menjelang Disember tahun depan.

Menterinya, Datuk Seri Dr Ronald Kiandee, berkata setakat ini, lebih 2,000 kad sudah dikeluarkan yang akan memudahkan kerajaan mengakses maklumat golongan sasar untuk menyampaikan pelbagai bentuk bantuan, subsidi dan insentif.

"Data dan maklumat keahlian, termasuk pendapatan, lokaliti dan identiti, juga dapat memudahkan kerajaan menyediakan dasar yang lebih holistik bagi golongan peladang, petani, penternak dan nelayan," katanya pada majlis prapelancaran kad berkenaan, di sini, hari ini.

Pelancaran itu sempena 40 hari menjelang Hari Peladang, Penternak dan Nelayan Kebangsaan (HPPNK) 2021, yang akan diadakan di Pusat Dagangan Dunia (WTC), di sini, pada 21 hingga 23 Disember ini.

Ronald berkata, Peladang-i adalah program menggabungkan pelbagai fungsi dan kelebihan dalam satu kad debit yang bakal dimanfaatkan ahli, selaras program Dasar Agromakanan Negara (DAN 2.0), yang dilancarkan baru-baru ini, iaitu pemodenan sektor pertanian menjadi teras utama dalam sektor pertanian.

"Selain itu, ia juga dimasukkan dalam Rancangan Malaysia Ke-12 (RMK-12) bagi mengenal pasti pertanian pintar sebagai antara satu aktiviti strategik dan berimpak tinggi yang dapat menjana semula pertumbuhan ekonomi.

"Sepanjang tempoh RMK-12, MAFI akan beri tumpuan kepada pemodenan sektor agromakanan negara. Ia bagi meningkatkan produktiviti dan menjamin sekuriti makanan negara.

"Kerajaan sedang melaksanakan pelbagai pelan tindakan dan inisiatif dalam menerajui sektor pertanian dan industri makanan ke arah Revolusi Industri Keempat (IR4.0) selaras dengan DAN 2.0.

"DAN 2.0 menerapkan ciri pemodenan dalam revolusi pertanian, termasuk dalam bidang perbankan membabitkan ahli peladang. Dalam hal ini, Lembaga Pertubuhan Peladang (LPP) menjalin kerjasama strategik bersama Agrobank dalam memperkenalkan Kad Pintar Peladang-i ini," katanya.

Sementara itu, Ronald semalam turut melancarkan laman mikro baharu, <https://www.mafi-events.com>, sempena minggu Pertanian Lestari, yang akan diadakan di Pavilion Malaysia Ekspo 2020 Dubai, mulai 20 hingga 26 Februari 2022.

Laman mikro baharu itu menampilkan pengemaskinian, berita, program, pameran, syarikat dan perkhidmatan yang berkaitan dengan Pertanian Lestari pada minggu ke-21 ekspo yang dihoskan oleh MAFI.



TARIKH	MEDIA	RUANGAN	MUKA SURAT
11/11/2021	MALAYSIA GAZETTE	ONLINE	

## Ronald Kiandee Hadir Pra Pelancaran Smart Card Keluarga Peladang



Menteri Pertanian dan Industri Makanan, Datuk Seri Dr Ronald Kiandee menyerahkan kad pintar PELADANG-i kepada penerima pada Pra Pelancaran 'Smart Card' Keluarga Peladang (PELADANG-i) sempena Count Down Hari Peladang, Penternak & Nelayan Kebangsaan 2021 (HPPNK 2021) di Menara Lembaga Pertubuhan Peladang, Kuala Lumpur. Foto AFFAN FAUZI, 10 NOVEMBER 2021.



Menteri Pertanian dan Industri Makanan, Datuk Seri Dr Ronald Kiandee menyerahkan kad pintar PELADANG-i kepada penerima pada Pra Pelancaran 'Smart Card' Keluarga Peladang (PELADANG-i) sempena Count Down Hari Peladang, Penternak & Nelayan Kebangsaan 2021 (HPPNK 2021) di Menara Lembaga Pertubuhan Peladang, Kuala Lumpur. Foto AFFAN FAUZI, 10 NOVEMBER 2021.



Menteri Pertanian dan Industri Makanan, Datuk Seri Dr Ronald Kiandee menunjukkan kad pintar PELADANG-i selepas Pra Pelancaran 'Smart Card' Keluarga Peladang (PELADANG-i) sempena Count Down Hari Peladang, Penternak & Nelayan Kebangsaan 2021 (HPPNK 2021) di Menara Lembaga Pertubuhan Peladang, Kuala Lumpur. Foto AFFAN FAUZI, 10 NOVEMBER 2021.



Menteri Pertanian dan Industri Makanan, Datuk Seri Dr Ronald Kiandee bersama dua timbalannya, Datuk Seri Ahmad Hamzah (dua kiri) dan Dr Nik Muhammad Zawawi Salleh (dua kanan) bergambar sambil memegang plakad pada Pra Pelancaran 'Smart Card' Keluarga Peladang (PELADANG-i) sempena Count Down Hari Peladang, Penternak & Nelayan Kebangsaan 2021 (HPPNK 2021) di Menara Lembaga Pertubuhan Peladang, Kuala Lumpur.

Foto AFFAN FAUZI, 10 NOVEMBER 2021.



Nazrisha Mohamad Zainuddin menunjukkan kad pintar PELADANG-i selepas Pra Pelancaran 'Smart Card' Keluarga Peladang (PELADANG-i) sempena Count Down Hari Peladang, Penternak & Nelayan Kebangsaan 2021 (HPPNK 2021) di Menara Lembaga Pertubuhan Peladang, Kuala Lumpur. Foto AFFAN FAUZI, 10 NOVEMBER 2021.

TARIKH	MEDIA	RUANGAN	MUKA SURAT
11/11/2021	UTUSAN BORNEO	ONLINE	

## Jawatankuasa khas rentas kementerian bantu atasi harga baja, racun diwujudkan



KUALA LUMPUR: Kementerian Pertanian dan Industri Makanan (MAFI) akan mewujudkan sebuah jawatankuasa khas rentas kementerian bagi membantu pengusaha pertanian yang menghadapi masalah kenaikan harga baja dan racun di pasaran.

Menterinya Datuk Seri Dr Ronald Kiandee berkata jawatankuasa itu akan mengenal pasti masalah terlebih dahulu sebelum mengemukakan cadangan dan langkah yang perlu diambil tindakan lanjut.

“Kita sedar ramai petani dan pesawah sedang berdepan dengan masalah berkenaan, jadi kita sedang menelitinya dan mendengar setiap keluhan mereka.

“Kita juga sedang menggerakkan satu pasukan petugas (task force) dengan beberapa kementerian termasuk Kementerian Perdagangan Dalam Negeri dan Hal Ehwal Pengguna bagi menangani masalah itu,” katanya kepada pemberita selepas majlis menandatangani Memorandum Persefahaman (MoU) Projek Smart Sawah Berskala Besar (Smart SBB) Sesi 2/2021 antara kerajaan dan tujuh syarikat peneraju di sini hari ini.

Sebelum ini, media melaporkan golongan petani meminta kerajaan atau pihak berkuasa memantau harga racun rumpai dan baja tanaman yang kini naik mendadak sehingga 50 peratus susulan pelaksanaan Pelan Pemulihan Negara (PPN) sejak Jun lepas.

Golongan berkenaan mendakwa kenaikan harga racun rumpai dan baja itu membebankan mereka selain tidak dapat menjual atau memasarkan hasil tanaman sepanjang Perintah Kawalan Pergerakan (PKP) ekoran pandemik COVID-19.

Sementara itu, Ronald berkata sehingga 28 Okt lepas, 3,811 pesawah telah mendapat manfaat daripada program Smart SBB melibatkan kawasan penanaman padi seluas 9,777.7 hektar di beberapa lokasi, termasuk Kawasan Pembangunan Pertanian Bersepadu (IADA) Barat Laut Selangor dan Seberang Perak.

Program Smart SBB adalah hala tuju baharu industri padi dan beras negara yang sedang dilaksanakan MAFI bagi meningkatkan produktiviti dalam mencapai 75 peratus Kadar Tahap Sara Diri (SSL) beras yang ditetapkan dalam tempoh Rancangan Malaysia Ke-12 (RMK12).

Ia juga mewujudkan pengurusan sawah secara cekap dan sistematik menerusi pelaksanaan secara koperasi, persatuan atau berkelompok sekali gus dijangka dapat mengurangkan kebergantungan kepada orang tengah selain turut meningkatkan hasil pendapatan pesawah sehingga 50 peratus.

"Ini pendekatan yang ditambah baik MAFI dan kita lihat jika konsep ini dilaksanakan sepenuhnya negara akan dapat mengurangkan import beras selari dengan Dasar Agromakanan Negara 2021-2030 sekali gus berhasil meningkatkan pendapatan dan produktiviti pesawah," katanya.

Tujuh syarikat peneraju yang terlibat adalah Pertubuhan Peladang Kebangsaan (NAFAS), Satu Cita Sdn Bhd, PTG Builder Services Sdn Bhd, Sermaju Agro Sdn Bhd, Panji Tulin Enterprise, Advansia (Sarawak) Sdn Bhd dan Unggul Venture Sdn Bhd, yang akan menanggung kos penanaman padi sebanyak RM3,200 per hektar.

Pada masa sama, Ronald turut melancarkan buku koleksi Smart SBB "Lonjakan Lestari Industri Padi dan Beras" yang memaparkan koleksi kisah kejayaan pelaksanaan program berkenaan yang semakin mendapat sambutan pemegang taruh terutamanya pemain Industri.

Beliau juga melancarkan produk sulung Smart SBB Sesi 1/2021 iaitu Beras Wangi Tempatan Sunflower dari ladang Smart SBB Sekinchan yang dijangka berada di pasaran seluruh negara mulai esok dengan harga runcit RM33 bagi setiap pek lima kilogram. - Bernama



# Selesai agih Kad Pintar Peladang-i Disember 2022

920,678 ahli bakal terima pelbagai bantuan, insentif

Oleh Mahani Ishak  
mahani@bh.com.my

**Kuala Lumpur:** Kementerian Pertanian dan Industri Makanan (MAFI) menasaskan hingga Disember tahun depan untuk selesai mengagihkan Kad Pintar Keluarga Peladang (Peladang-i) kepada 920,678 ahlinya.

Menterinya, Datuk Seri Dr Ronald Khandee, berkata setakat ini lebih 2,000 kad sudah dikeluarkan yang akan memudahkan kerajaan mengakses maklumat golongan sasar untuk menyampaikan pelbagai bentuk bantuan, subsidi dan insentif.

"Data dan maklumat keahli-

an termasuk pendapatan, lokasi dan identiti, juga dapat memudahkan kerajaan menyediakan dasar yang lebih holistik bagi golongan peladang, petani, penternak dan nelayan," katanya pada majlis prapelan- caran kad berkenaan, di sini semalam.

Pelancaran itu sempena 40 hari menjelang Hari Peladang, Penternak dan Nelayan Kebangsaan (HPPNK) 2021 yang akan diadakan di Pusat Dagangan Dunia (WTC) di sini, pada 21 hingga 23 Disember ini.

Menurut Ronald, Peladang-i adalah program menggabungkan pelbagai fungsi dan ke- luan dalam satu kad debit yang bakal dimanfaatkan ahli, selaras program Dasar Agromakanan Negara (DAN 2.0) yang dilan- carkan baru-baru ini, iaitu pemo- deraan sektor pertanian menjadi teras utama dalam sektor per- tanian.

"Selain itu, ia juga dimasukkan dalam Rancangan Malaysia Ke-12

Data dan maklumat keahlian termasuk pendapatan, lokasi dan identiti, juga dapat memudahkan kerajaan menyediakan dasar lebih holistik bagi golongan peladang, petani, penternak dan nelayan

Ronald Khandee,  
Menteri Pertanian dan Industri Makanan



(RMK-12) bagi mengenal pasti pertanian pintar sebagai salah satu aktiviti strategik dan berim- pak tinggi yang dapat menjaga semula pertumbuhan ekonomi. Sepanjang tempoh RMK-12, MAFI akan beri tumpuan kepada pemodanan sektor agromakanan negara.

"La bagi meningkatkan produkti- vitinya dan menjamin sekuriti ma- kanaan negara. Kerajaan sedang melaksanakan pelbagai pelan tindakan dan inisiatif dalam me-

nerajui sektor pertanian dan in- dustri makanan ke arah Revolusi Industri Keempat (IR4.0) selaras dengan DAN 2.0.

"DAN 2.0 menerapkan ciri-ciri pemodanan dalam revolusi per- tanian termasuk dalam bidang perbankan membabitkan ahli pe- ladang. Dalam hal ini, Lembaga Pertubuhan Peladang (LPP) men- jalin kerjasama strategik bersa- ma Agrobank dalam memperke- nalkan Kad Pintar Peladang-i ini," katanya.



TARIKH	MEDIA	RUANGAN	MUKA SURAT
11/11/2021	SINAR HARIAN	NASIONAL	18

MAFI sasar lebih 920,000 ahli pertubuhan peladang miliki kad berkenaan

Oleh MUHAMMAD YUSAINY MOHAMAD YUNUS

### KUALA LUMPUR

**K**ementerian Pertanian dan Industri Makanan (MAFI) menyasarkan lebih 920,000 ahli pertubuhan peladang bakal memiliki Kad Pintar Keluarga Peladang (PELADANG-i) menjelang penghujung 2022.

Menterinya, Datuk Seri Dr Ronald Kiandee berkata, kad itu bagi memudahkan transaksi pembayaran tanpa tunai dalam urusan niaga ahli dengan semua operasi perniagaan pertubuhan peladang.

Menurutnya, inisiatif tersebut selaras dengan program Dasar Agromakanan Negara (DAN 2.0) yang dilancarkan baru-baru ini.

"Ia juga telah dimasukkan ke dalam Rancangan Malaysia ke-12 (RMK12) bagi mengenal pas-

ti pertanian pintar sebagai salah satu aktiviti strategik dan berimpak tinggi yang dapat menjana semula pertumbuhan ekonomi negara.

"Sepanjang tempoh RMK12, MAFI akan memberi tumpuan kepada pemodenan sektor agro makanan bagi meningkatkan produktiviti dan menjamin sekuriti makanan negara," katanya sempena Majlis Pra-Pelancaran Smart Card Keluarga Peladang dan Countdown Hari Peladang Penternak dan Nelayan Kebangsaan (HPPNK 2021) pada Rabu.

Sementara itu, Ronald berkata, kerajaan sedang melaksanakan pelbagai pelan tindakan dan inisiatif dalam menerajui sektor pertanian serta industri makanan ke arah Revolusi Industri 4.0 (IR4.0) selaras dengan DAN 2.0.

Menurutnya, kad itu adalah

# Manfaat kad PELADANG-i

kad identiti keahlian Pertubuhan Peladang Kebangsaan (PPK) di seluruh negara bagi memudahkan transaksi pembayaran tanpa tunai.

"Dengan kad ini juga, ahli akan diberi perlindungan Takaful Kasih Plus sehingga RM5,000 atas musibah yang berlaku dengan sumbangan ahli RM5 setahun.

"Skim ini selaras dengan sokongan dan galakan kerajaan melalui Bajet 2022 yang memperuntukkan sebanyak RM5 juta supaya semua ahli PPK seluruh Malaysia diberi perlindungan," katanya.

Tambah beliau, penggunaan kad PELADANG-i oleh semua ahli peladang akan memudahkan kerajaan mengakses maklumat golongan sasar untuk menyampaikan pelbagai bentuk bantuan, subsidi dan insentif.

# MAFI lancar laman mikro baharu minggu Pertanian Lestari

**PETALING JAYA** – Kementerian Pertanian dan Industri Makanan Malaysia (MAFI) melancarkan laman mikro baharu semalam bersempena minggu Pertanian Lestari di Dubai pada 20 hingga 26 Februari 2022.

Menterinya, Datuk Seri Ronald Khandee berkata, laman mikro baharu itu menampilkan berita, program, pempamer, syarikat dan perkhidmatan yang berkaitan dengan Pertanian Lestari pada minggu ke-21 yang akan dihoskan oleh MAFI.

"Laman mikro ini dibangunkan bagi memudahkan pengguna untuk melayari maklumat yang relevan dan sumber yang luas mengenai pertanian lestari di Malaysia, memandangkan tidak semua dapat menghadiri ekspso tersebut secara fizikal.

"Laman mikro merupakan medium penghubung bagi pembelian perniagaan untuk membolehkan pelawat berhubung dengan syarikat dan agensi yang terlibat dalam minggu Pertanian Lestari itu kelak," kata beliau.

dalam satu kenyataan di sini semalam.

Menurut Ronald, menerusi laman mikro itu, pihaknya berharap untuk menyebarkan, mendidik dan berkommunikasi dengan orang ramai di seluruh dunia bagi memacu pertanian lestari di peringkat antarabangsa.

"Kami menjangkakan pembelian yang berterusan dan perkongsian strategik sepanjang penglibatan kami di Ekspo 2020 Dubai dengan adanya laman mikro ini.

"Pengguna boleh mengakses maklumat setiap syarikat, ritsalah produk dan video bagi mengetahui lebih lanjut tentang penglibatan peserta dan syarikat-syarikat yang terlibat dalam minggu Pertanian Lestari itu nanti," ujarnya.

Laman mikro itu turut memberikan tumpuan kepada bidang pertanian kelestarian yang akan diketengahkan pada ekspso tersebut termasuklah kesejahteraan biodiversiti, pertanian dan penyelesaian bandar pintar, ke-

kayaan daripada sisa dan lain-lain lagi.

Pengguna juga boleh melibatkan diri dalam pemaoban program niagaan dan mengikuti program yang merangkumi demonstrasi produk dan masakan, ceramah, dan program jaringan.

"Laman mikro ini akan sentiasa dikemas kini dengan informasi terkini berkaitan dengan MAFI," katanya.

Laman tersebut boleh dilawati melalui pautan <https://www.moft-events.com>.

# MAFI tawar inisiatif henti guna pukat tunda

**KUALA LUMPUR:** Kementerian Pertanian dan Industri Makanan (MAFI) menawarkan pilihan terbaik kepada nelayan pukat tunda untuk beralih dari tangkapan di zon B ke zon C.

Timbalan Menteri Pertanian dan Industri Makanan, Dr Nik Muhammad Zawawi Salleh, berkata ini selaras dengan hasrat kerajaan untuk menghentikan penggunaan peralatan itu menjelang tahun 2030.

Menurutnya, antara inisiatif yang dilaksanakan ialah memberi pendedahan kepada golongan terabit mengenai sektor pertanian dan penternakan jika tidak mahu berpindah ke zon C.

“Kita dedahkan kepada mereka, latihan dan kemahiran pertanian jika tidak berminat untuk berpindah ke zon C. Ini termasuk perniagaan, pemasaran, akuakultur dan juga tanaman.

“Semua ini akan memberikan

pendapatan yang lumayan kepada mereka, selain kita mengharapkan mereka boleh berpindah ke zon C kerana zon C memberikan pendapatan tangkapan lebih lumayan,” katanya ketika sesi pertanyaan lisan Persidangan Dewan Rakyat di sini.

Beliau menjawab soalan Ahli Parlimen Bayan Baru, Sim Tze Tzin, mengenai perancangan kerajaan terhadap 48,000 nelayan zon B dan ribuan kru yang terlibat dengan penutupan zon B.

Dr Nik Muhammad Zawawi yang juga Ahli Parlimen Pasir Puteh, menjelaskan MAFI melalui Jabatan Pertanian dan Industri Makanan telah memperkenalkan penstrukturan semula pukat tunda zon B.

Beliau berkata, langkah yang bermula pada 2016 sehingga 2030 itu dibuat secara ‘soft landing’, membabitkan 48,000 vesel dan 2,013 nelayan yang beroperasi di zon B ketika ini.



# Pukat tunda rosak sumber pembiakan ikan

**KOTA BHARU:** Kementerian Pertanian dan Industri Makanan (MAFI) memperkenalkan penstrukturan semula pukat tunda zon B yang bermula pada 2016 sehingga 2030.

Timbalan menteri, Dr Nik Muhammad Zawawi Salleh berkata, ia dibuat secara 'soft landing', membabitkan 48,000 vesel.

Katanya daripada jumlah itu sebanyak 2,013 sahaja yang beroperasi di zon B sekarang.

Beliau berkata, pukat tunda merupakan peralatan menangkap ikan yang bersifat destruktif menyebabkan kerosakan ketara sumber pembiakan ikan negara.

"Justeru kita menyasarkan sifar pukat tunda di

zon B menjelang tahun 2030 dengan program pemodenan vesel di bawah Dana Jaminan Makanan bernilai RM150 juta," katanya di Dewan Rakyat pada Selasa.

Menurutnya tawaran itu merupakan pilihan terbaik kepada nelayan pukat tunda untuk beralih tangkapan dari zon B kepada zon C.

Kata beliau juga antara inisiatif yang dilaksanakan kerajaan memberi pendedahan kepada golongan terabit mengenai sektor pertanian dan penternakan.

"Kita dedahkan mereka latihan dan kemahiran pertanian sekiranya tidak berminat berpindah ke zon C, ia juga termasuk perniagaan, pemasaran, akuakultur dan



Dr Nik Muhammad Zawawi Salleh

tanaman.

"Semua itu akan memberikan pendapat luma-yan kepada mereka," katanya.



Che Abdullah Mat Nawi melawat kilang jerut timun di Kampung Basong, Kuala Berang.

## Usahawan tani hasil jeruk timun

**KUALA BERANG:** Seorang usahawan tani di Kampung Basong dekat sini menghasilkan jeruk timun sejak tahun 2013.

Pengerusi Lembaga Pertubuhan Peladang (LPP), Dato' Che Abdullah Mat Nawi berkata, jeruk itu dikeluarkan Syarikat Eastvege Enterprise, milik bumiputera.

Katanya, syarikat berkenaan diusahakan Azri yang merupakan usahawan bimbingan PPK Kuala Berang.

"Sedap rasa jeruk timun dikeluarkan di mana ia mempunyai tiga jenis rasa iaitu masam, manis dan pedas.

"Azri juga menjalankan projek tanaman timun se-

cara fertigasi di kawasan seluas 0.12 hektar menggunakan 500 polibeg," katanya ketika melawat projek tersebut baru-baru ini.

Pengusaha terabit pernah menerima Geran Agropreneur Muda melalui LPP sebanyak RM20,000.

Che Abdullah juga memimpin projek ternakan ayam pedaging yang diusahakan dua beradik di Kampung Kemat, Kuala Berang.

Katanya, projek itu bermula sejak 2017 lalu dengan satu unit reban terbuka bersaiz 300 x 47 kaki, memuatkan 12,500 ekor ayam satu pusingan.

"Mereka mendapat pinjaman Tabung Pembangunan

Usahawan Peladang (TPUP) daripada LPP sebanyak RM100,000 untuk mengembangkan projek," ujarnya.

Usahawan terabit melaksanakan konsep "contract farming" dengan syarikat HLRB Broiler Farm Sdn Bhd bagi memasarkan ayam.

Selain itu beliau juga melawat Projek PRE Tanaman Fertigasi Meja, tanaman organik dam IoT yang diusahakan PPK Marang.

Sempena lawatan itu Che Abdullah turut menyampaikan sumbangan bakul makanan MAFI Prihatin kepada 15 ahli PPK Marang yang terkesan dengan pandemik Covid-19.

TARIKH	MEDIA	RUANGAN	MUKA SURAT
11/11/2021	ASTRO AWANI	ONLINE	

## Penemuan cacing 'helikopter' pada pisang tidak benar - Jabatan Pertanian



*Zahimi berkata Helicobacter merupakan sejenis bakteria dan bukan daripada kumpulan serangga atau ulat serangga seperti yang ditularkan. - Gambar/ Sinar Harian/ Video tular*

**PUTRAJAYA:** Video yang tular di media sosial berkaitan penemuan cacing "Helikopter" atau "Helicobacter" pada buah pisang di Malaysia adalah tidak benar serta mengandungi informasi yang tidak sahih dan diragui, menurut Jabatan Pertanian.

Ketua Pengarah Pertanian Datuk Zahimi

Hassan berkata Helicobacter merupakan sejenis bakteria dan bukan daripada kumpulan serangga atau ulat serangga seperti yang ditularkan.

Jelas Zahimi, pihaknya juga tidak menerima sebarang aduan atau laporan mengenai serangan cacing berkenaan pada tanaman pisang di negara ini.

"Pengguna tidak perlu bimbang dan ragu-ragu memandangkan Kementerian Pertanian dan Industri Makanan melalui Jabatan Pertanian dengan kerjasama agensi berkaitan sentiasa memastikan hasil dan produk-produk pertanian daripada sumber dalam dan luar negara adalah selamat untuk dimakan.

"Ia turut dipastikan bebas daripada perosak dan penyakit yang mendatangkan kemudaratan kepada pengguna dan alam sekitar," katanya dalam satu kenyataan hari ini.

Beliau berkata berdasarkan kenyataan daripada Abu Dhabi Agriculture and Food Safety Authority melalui ciapan di Twitter bertarikh 1 Nov lepas, video yang tular didapati berasal daripada sumber yang tidak sahih dan adalah di luar kebiasaan untuk cacing melengkapkan kitaran hidupnya di dalam buah pisang sehingga saiz yang ditunjukkan di dalam video tersebut.

-- BERNAMA



TARIKH	MEDIA	RUANGAN	MUKA SURAT
11/11/2021	UTUSAN MALAYSIA	ONLINE	

## 5,849 hektar sawah di Kedah ditenggelami banjir



SEBAHAGIAN daripada kawasan sawah padi yang ditenggelami banjir di negeri ini, baru-baru ini.

ALOR SETAR: Lembaga Kemajuan Pertanian Muda (MADA) mendapati seluas 5,849 hektar sawah ditenggelami banjir dan fenomena air pasang besar yang melanda negeri ini, baru-baru ini.

Pengerusi Lembaga Kemajuan

Pertanian Muda, Ahmad Tarmizi Sulaiman berkata, angka itu diperoleh selepas pihaknya mengadakan banciaan terhadap petani terjejas di kawasan tersebut.

Menurutnya, jumlah kawasan yang terlibat dijangka meningkat selepas ini memandangkan banciaan tersebut akan diteruskan di kawasan-kawasan lain yang masih terjejas.

“Hasil banciaan kerosakan sawah pada itu akan dikemukakan kepada Kementerian Perindustrian dan Industri Makanan (MAFI) untuk pertimbangan bagi mendapatkan bantuan Tabung Bencana Tanaman Padi.

“Berdasarkan rekod kedudukan takungan air di empangan-empangan MADA hari ini, keadaan dilihat berada pada paras terkawal iaitu Empangan Pedu 95.9 peratus, Empangan Muda 102.8 peratus dan Empangan Ahning 98.2 peratus,” katanya dalam satu kenyataan di sini hari ini

Beliau mengulas kenyataan Pengerusi Badan Bertindak Petani MADA, Che Ani Mat Zain baru-baru ini yang menyuarakan kebimbangan petani terhadap kemungkinan kemusnahan anak-anak pokok padi yang diusahakan berikutan bencana banjir tersebut.

Menurut Che Ani, keadaan itu secara tidak langsung akan mendatangkan kerugian besar kepada petani hingga mencecah RM150 serelung dan keadaan itu amat membebankan golongan berkenaan.

Mengulas lanjut Ahmad Tarmizi berkata, kejadian banjir itu berlaku berikutan hujan lebat bermula 17 Oktober 2021 hingga 2 November 2021 dengan turunan hujan antara 157 milimeter (mm) hingga 331 mm di kawasan dataran mengakibatkan aliran air yang tinggi.

“Ini diikuti dengan berlakunya fenomena air pasang besar menyebabkan kenaikan paras air laut pada 4 hingga 7 November.

“Disebabkan kejadian itu, mungkin ada dalam kalangan petani yang perlu melakukan penanaman semula. Semakan MADA mendapati bekalan benih padi sah kini mencukupi untuk menampung keperluan tersebut,” katanya. – UTUSAN



MOHD. FUAD (tiga dari kanan) bersama beberapa pesawah mengadakan bantahan kenaikan harga racun rumpai di Alor Janggus, Alor Setar semalam.

Petani tertekan terpaksa tanggung rugi besar.

# Harga racun rumpai 'bunuh' pesawah

Oleh MOHD. RIFAAT ABD. HAMID

**ALOR SETAR** - Harga racun rumpai yang meningkat di seluruh negara ternyata membebankan kebanyakan petani dan terbaharu, pesawah di kawasan Lembaga Kemajuan Pertanian Muda (MADA) di sini mula tertekan dengan kenaikan 100 peratus sejak Mei lalu.

Pengerusi Pertubuhan Persaudaraan Pesawah Malaysia (Pesawah) Kedah, Mohd. Fuad Yaacob berkata, kenaikan harga racun itu menyebabkan pesawah terus menanggung kerugian sekiranya masalah tersebut tidak diatasi segera.

Katanya, kenaikan harga racun bukan sahaja membebankan pesawah, malah turut melibatkan penanam sayur di negeri ini apabila mereka terpaksa membelinya walaupun harga tinggi.

"Sebelum ini, harga racun rumpai untuk empat liter harganya adalah RM53 sahaja. Bagaimanapun, sejak akhir-akhir ini, harga racun naik mendadak sehingga RM75 untuk empat liter. Begitu juga racun rumpai untuk 20 liter pula dahulunya hanya RM220 tetapi kini mencecah RM400.

"Pihak pembekal memaklumkan punca utama kenaikan harga racun disebabkan bahan untuk membuat racun naik dan pada masa sama mata wang negara kita semakin jatuh," katanya.

Beliau berkata demikian kepada pemberita ketika mengadakan bantahan kenaikan harga racun rumpai di Alor Janggus di sini semalam.

Mohd. Fuad berkata, hasil keuntungan petani untuk musim ini akan terjejas berikutan kenaikan harga racun tersebut.

"Saya berharap kerajaan campur tangan segera dalam menyelesaikan masalah ini supaya petani tidak akan dibebankan dengan kos input hari ini.

"Selain itu, pesawah MADA juga merayu supaya subsidi sebanyak RM300 yang diperoleh setiap musim dapat dinaikan kepada RM360 sesuai dengan kos input pertanian semakin meningkat," ujarnya.

Pesawah, Hashim Ahmad, 66, dari Kampung Besar, Padang Hang, Anak Bukit pula berkata, kenaikan harga racun rumpai membebankan petani, selain harga benih padi juga semakin meningkat.

"Setiap kali musim menanam padi, sudah pasti kos input akan meningkat dan mengharapkan kerajaan dapat menyelesaikan masalah tersebut dengan segera," ujarnya.



11/11/2021

KOSMO

NEGARA

17

Terima banyak tempahan daripada penduduk sebagai persediaan hadapi banjir

# Rezeki tengkujuh bagi pembuat bot

Oleh AIMUNI TUAN LAH

**KUALA KRAI** – Musim tengkujuh seolah-olah mengundang rezeki buat pembuat bot gantian kaca di Dabong di sini, apabila mula menerima banyak tempahan daripada penduduk sebagai persediaan menghadapi banjir tahun ini.

Basri Mahmud, 50, berkata, bot gantian kaca itu akan digunakan penduduk kampung untuk memudahkan mereka berpindah semasa musim tengkujuh.

Katanya, kebanyakan penduduk yang tinggal di kawasan rendah dan pinggir sungai menempah bot lebih awal bagi mengelak detik cemas setiap kali berlaku banjir.

"Sejak awal tahun sehingga bulan ini, permintaan bot gantian kaca memang tinggi apabila tempahan bot melebihi 200 buah.

"Selepas tamat musim tengkujuh, mereka yang kebanyakannya mencari rezeki sebagai nelayan sungai akan gunakan pula bot itu untuk menangkap ikan," katanya.

Basri yang memulakan usaha membuat bot sejak 18 tahun lalu berkata, proses pembuatan bot gantian kaca tidak rumit seperti bot kayu.

Sejak awal tahun sehingga bulan ini, permintaan bot gantian kaca memang tinggi apabila tempahan bot melebihi 200 buah."

## **BASRI MAHMUD**

Katanya, selain di kawasan Dabong, dia mempunyai sebuah lagi bengkel bot di Kuala Tembeling, Jerantut, Pahang.

"Bot gantian kaca lebih ringan, tahan lama dan mudah diselenggara apabila mengalami kebobocoran.

"Saya membuat bot gantian kaca dengan tiga ukuran berbeza iaitu 5 meter hingga lebih 7 meter yang mampu memuatkan antara empat hingga lapan orang penumpang," katanya.

Menurut Basri, harga bot itu dijual pada harga bermula RM1,100 dan ke atas bergantung kepada saiz dan panjang bot.

Katanya, selain pelanggan di Kuala Krai dan Gua Musang, dia turut menerima tempahan dari Terengganu serta Pahang.



**BASRI** memeriksa bot gantian kaca sebelum diserahkan kepada pelanggan kepada pelanggan kepada pelanggan di Dabong, Kuala Krai semalam.



11/11/2021

SINAR  
HARIANNEGERI  
KEDAH

32

# Pesawah tertekan harga racun naik dua kali ganda

Kenaikan harga dikesan berlaku sejak pelaksanaan PPN pertengahan tahun ini

Oleh WAN MOHD NOOR  
HAFIZ WAN MANSOR

## ALOR SETAR

**P**ertubuhan Persaudaraan Pesawah Malaysia (Pesawah) memohon kerajaan memantau secara serius kenaikan harga racun rumpai yang meningkat dua kali ganda sehingga membebankan golongan pesawah.

Pengerusi Pesawah, Mohd Fuad Yaacob berkata, pihaknya menerima rungutan daripada golongan tersebut ekoran kenaikan harga dikesan berlaku sejak pelaksanaan Pelan Pemulihan Negara (PPN) pada pertengahan tahun ini.

Menurutnya, pesawah perlu membeli racun tambahan di pasaran bagi mengatasi masalah rumpui dan rumpai kerana racun subsidi yang dibekalkan kerajaan masih tidak mencukupi.



Pesawah mengharapkan kerajaan memberikan perhatian kepada kenaikan harga racun yang meningkat mendadak di pasaran, sekali gus membebaskan mereka.

"Pesawah berharap kerajaan memandang serius masalah kenaikan harga racun rumpai di pasaran yang dihadapi oleh petani kerana kos meningkat ini ditanggung sendiri oleh mereka.

"Penjual mendakwa mereka tidak dapat menghalang kenaikan harga disebabkan oleh bahan-bahan membuat racun yang diimport dari luar negara telah meningkat selain faktor kelemahan mata wang," katanya ditemui pemberita di Kampung Padang Hang di sini pada Rabu.

Sementara itu, beliau turut mencadangkan kepada kerajaan

agar meningkatkan bantuan kepada pesawah daripada RM360 kepada RM500 setiap tan metrik bagi setiap padi bersih bagi membantu semua pesawah di seluruh negara.

Menurut Mohd Fuad, pihaknya percaya harga racun yang meningkat dengan drastik akan menambah beban pesawah pada musim penanaman padi kali ini sekiranya kerajaan tidak mencari alternatif untuk membantu.

"Kedah sebagai antara jela-pang padi negara perlu diberikan perhatian oleh kerajaan. Bantuan kepada pesawah perlu ditingkatkan jika mahu pengeluaran padi untuk bekalan makanan tidak terjejas pada masa hadapan," tegas beliau.

Dalam pada itu, seorang pesawah, Hashim Ismail, 66, dari Kampung Besar mengakui ter-tekan dengan kenaikan harga racun tersebut.

Bagaimanapun, katanya,

racun masih perlu dibeli agar tanaman padi yang diusahakan membuahkan hasil yang baik.

"Saya mengusahakan kira-kira empat hektar tanaman padi dan memerlukan kira-kira lapan liter bersamaan dua tong racun. Sebelum ini, harga satu tong racun empat liter bermula RM45 tetapi kini sudah meningkat kepada RM90.

Seorang lagi pesawah, Salleh Harun, 68, dari Kampung Tok Pulau yang mengusahakan satu hektar sawah memberitahu, kos bagi mengusahakan kira-kira satu hektar dengan bantuan subsidi kerajaan kini sudah meningkat daripada RM100 kepada RM160.

"Walaupun ada bantuan racun dan baja daripada kerajaan, namun pesawah masih perlu membeli racun dan baja tambahan. Kenaikan harga racun ini memang membebankan," katanya.

11/11/2021

UTUSAN

DALAM

SS

MALAYSIA

NEGERI

## Spesies ikan nemo dibiak dalam akuarium

**GEORGETOWN:** Setelah tiga tahun berusaha menjalankan pelbagai teknik penyelidikan, pasukan penyelidikan Institut Perikanan Perikanan (FRI) berjaya membiak secara konsisten beberapa spesies ikan inggu (clownfish) di Akuarium Tunku Abdul Rahman Pulau Pinang, Batu Maung di sini.

Penolong Pegawai Penyelidik FRI, Dzulfikkar Baitulma'mur

berkata, antara spesies ikan inggu atau lebih dikenali nemo yang berjaya dibiak ialah Amphiprion ocellaris, Amphiprion perideraion, Amphiprion biaculeatus dan pasangan kacukan di antara (Amphiprion ephippium x Amphiprion melanopus).

Dzulfikkar yang mengemula penyelidikan ikan nemo itu berkata, penyelidikan ikan itu bermula pada 2018 selepas

pihaknya mendapati ikan inggu yang ditempatkan sebagai ikan pameran di Akuarium Tunku Abdul Rahman mula menunjukan perubahan untuk membiak.

"Kita mencuba pelbagai teknik secara cuba dan jaya untuk menjalankan pembiakan ikan nemo kerana pasukan kami tidak pernah menjalankan penyelidikan mengenainya sebelum ini.

"Selepas lebih lima kali percubaan, kami berjaya menemui kan teknik yang betul dan mula membiak ikan nemo ini dengan teknik induk dipindahkan bersama dengan telur," katanya ketika ditemui di Akuarium Tunku Abdul Rahman Pulau Pinang, di sini semalam.

Menurutnya, kejayaan pembiakan yang konsisten beberapa spesies ikan nemo itu diharap-

kan dapat mewujudkan satu sumber baharu pendapatan kepada pengusaha-pengusaha ikan hiasan air masin.

Katanya, ikan nemo mengambal masa sekurang-kurangnya lima bulan untuk dibiak menjadi ikan induk yang bersedia untuk dijual sebagai ikan hiasan.

"Ikan ini mempunyai peminatnya tersendiri dan harga cecah ratusan ringgit," ujarnya.



FRI berjaya membiak spesies ikan inggu di Akuarium Tunku Abdul Rahman

## Tiga tahun susah payah biak nemo

Oleh SAFINA RAMLI

**GEORGE TOWN** - Setelah tiga tahun berusaha keras menjalankan pelbagai teknik penyelidikan, pasukan penyelidik Institut Penyelidikan Perikanan (FRI) berjaya membiak spesies ikan inggu atau clownfish di Akuarium Tunku Abdul Rahman, Batu Maung di sini.

Penolong Pegawai Penyelidik FRI, Dzulfikar Batulmamu, 37, berkata, antara spesies ikan inggu yang berjaya dibiakkan ialah Amphiprion ocellaris, Amphiprion perideraion dan Amphiprion biaculeatus.

Menurutnya yang mengetahui penyelidikan itu, pasukannya juga berjaya membiakkan pasangan kakukan antara spesies Amphiprion ephippium dengan Amphiprion melanopus.

"Penyelidikan ini bermula pada 2018 selepas pihaknya mendapati spesies ikan yang popular dengan digelar nemo yang dipamerkan di Akuarium Tunku Abdul Rahman itu mula menunjukkan perubahan untuk membiak.

"Jadi, kami pun cuba pelbagai



**USAHA** membiak spesies ikan inggu berjaya dilakukan secara konsisten di Akuarium Tunku Abdul Rahman, Batu Maung, George Town.

teknik secara trial and error kerana pasukan kami tidak pernah menjalankan penyelidikan mengenainya sebelum ini.

"Selepas lebih lima kali percubaan, kami berjaya menemui teknik yang betul dan mula membiakkannya dengan teknik induk dipindahkan bersama dengan telur," katanya di Akuarium

Tunku Abdul Rahman semalam.

Menurutnya, kejayaan membiakkan beberapa spesies ikan itu secara konsisten diharapkan dapat mewujudkan satu sumber pendapatan baharu kepada pengusaha-pengusaha ikan hiasan air masin.

"Tejur ikan inggu mengambil masa tujuh hingga 14 hari un-



**ANTARA** ikan nemo yang dipamerkan di Akuarium Tunku Abdul Rahman.

tuk menjadi ikan dan sekurang-kurangnya lima bulan sebelum menjadi ikan induk yang boleh dijual sebagai ikan hiasan.

"Ikan ini mempunyai permintaan yang tersendiri, malah harganya mencecah ratusan ringgit," ujarnya.

Katanya, pasukan penyelidik FRI juga bersedia untuk mena-

warkan latihan kepada mereka yang berminat untuk mendalami teknik membiak ikan inggu.

"Sasaran kami adalah untuk mewujudkan sumber pendapatan baharu menerusi membiak ikan inggu kerana ia mempunyai masa depan yang cerah dalam industri ikan hiasan negara," katanya.

Kolam ternakan ikan zaman 70-an pecah akibat banjir kilat selepas hujan lebat

# Imam kecewa tilapia terlepas ke parit



ZULKIFLI menunjukkan kolam ikan yang pecah di Felda Bukit Rokan, Tampin semalam selepas kejadian banjir kilat bertaku baru-baru ini.

Oleh NOR AINNA HAMZAH

**TAMPIN** – Seorang penternak tilapia merah di Felda Bukit Rokan di sini berputih mata apabila hampir separuh ternakan ikan-nya yang baru berusia dua bulan terlepas ke parit dalam kejadian banjir kilat baru-baru ini.

Zulkifli Abdullah, 63, berkata, sejak petang Jumaat lalu, sudah dua kali ternakan ikannya terlepas keluar dari kolam tersebut yang pecah ketika hujan lebat.

Menurutnya yang juga Imam 1 Masjid Kariah Felda Bukit Rokan, kejadian terbaharu adalah petang Isnin lalu yang menyebabkan ikan bersalz masih kecil terlepas ke dalam parit berdekatan.

"Kolam ini ada nilai sentimental kepada kami sekeluarga. Ayah, Abdullah Sekandar, 86, adalah antara peneroka awal yang sama-sama mengusahakan enam kolam ikan sejak awal tahun 70-an di tanah rezab Felda.

"Sekarang, saya dan abang sulung Wahid Abdullah, 64, mengusahakan kolam ini bersama-sama," katanya ketika ditemui di Felda Bukit Rokan di sini se-

malam.

Zulkifli memberitahu, dua bulan lalu, mereka baru sahaja memasukkan sebanyak 2,500 benih ikan tilapia merah.

Katanya, ikan-ikan itu adalah untuk pasaran di kawasan Felda tersebut dan dijual pada harga RM12 sekilogram.

"Saya tidak tahu berapa banyak kerugian yang terpaksa ditanggung kami memandangkan makanan ikan iaitu dedak juga agak mahal. Saya baru sahaja menerima bantuan dedak daripada Jabatan Perikanan untuk ikan-ikannya itu," katanya.

Menurutnya, dia bimbang jika kejadian itu berulang dan kolam ternakan yang sepatutnya mengeluarkan hasil dalam tempoh tiga hingga empat bulan lagi hanya tinggal sedikit ikan sahaja.

"Sudah lama kawasan ini tidak dilanda banjir, namun dalam setahun ini, kejadian banjir kilat kerap berlaku di sini.

"Saya harap pihak berkaitan dapat mencari punca sebenar banjir kilat yang berlaku sama ada disebabkan masalah sistem saliran atau sungai," ujarnya.



# 'Tempah 150, dapat 80 sahaja'

Peniaga dakwa kekurangan bekalan daripada pemborong menyebabkan kenaikan harga ayam

Oleh Nurul Hidayah Bahaudin  
nurul.hidayah@hmetro.com.my

## Kajang

"Kita hendak jual murah kepada pembeli, tetapi apa pilihan kami ada kerana bekalan ayam diperolehi dari pemborong juga dibeli pada harga mahal," kata peniaga ayam, Ghazali Ismail, 60.

Ghazali yang berniaga di Pasar Kajang berkata, dia menjual ayam pada harga RM9.90 sekilogram semalam berbanding RM9.50 kilogram kelmarin kerana kenaikan harga bekalan itu di peringkat pemborong.

"Saya mendapatkan bekalan ayam daripada pemborong di Semenyih. Apabila harga dijual pemborong kepada peniaga naik, kami juga terpaksa menaikkan harga.

"Memang ada ramai pembeli bising dan kenaikan harga itu menyebabkan sambutan (pembelian) tidak menggalakkan, namun tiada apa boleh kami buat kerana harga di peringkat pemborong naik," katanya ketika ditemui di Pasar Kajang, di sini, semalam.

Katanya, dia turut berdepan kesukaran mendapatkan bekalan ayam daripada pemborong apabila tempahannya tidak dipenuhi pembekal.

"Setiap hari, saya minta pemborong menyediakan 150 ayam. Namun, mereka (pemborong) hanya beri antara 80 ke 90 ayam dengan alasan kekurangan bekalan.

"Ini secara tidak langsung menyebabkan kami kurang bekalan untuk dijual selain menjual pada harga mahal.

"Saya harap ada tindakan



TINJAUAN harga ayam dikatakan naik berikutan peningkatan harga makanan ayam sejak kebelakangan ini.



*Ini secara tidak langsung menyebabkan kami kurang bekalan untuk dijual selain menjual pada harga mahal.*

Ghazali Ismail



*Selalu saya tempah 150 ayam daripada pemborong setiap hari. Namun, pemborong hanya boleh bekalkan 100 ayam sehari.*

Saiful Nizam Mohamed Yunus



*Saya beli ayam kerana ia keperluan asas keluarga, namun saya beli sedikit kerana harga mahal.*

Adriani Abdullah

daripada pihak berkuasa berikutan isu ini dengan mengambil tindakan memantau harga bekalan di peringkat pemborong selain memastikan bekalan sentiasa mencukupi," katanya.

Seorang lagi peniaga, Saiful Nizam Mohamed Yunus, 32, berkata, masalah kekurangan bekalan ayam berlarutan sejak tiga minggu lalu.

"Selalunya saya tempah 150 ayam daripada pemborong setiap hari. Namun, pemborong hanya boleh membekalkan 100 ayam sehari kerana kekurangan bekalan.

"Masalah ini kami alami sejak tiga minggu lalu. Ketika sambutan Deepavali, masalah itu menyebabkan kami kurang bekalan untuk dijual.

"Sehingga semalam, kami jual pada harga kawalan ditetapkan KPDNHEP (Kementerian Perdagangan Da-

lam Negeri dan Hal Ehwal Pengguna) iaitu RM9.50 sekilogram dan harga itu naik RM9.90 sekilogram hari ini (semalam)," katanya.

Sementara itu, suri rumah, Adriani Abdullah, 40, berkata, kenaikan harga ayam sangat dirasai apabila kebanyakan premis menjual pada harga tinggi berbanding ketika musim perayaan Deepavali.

"Saya lihat harga ayam kerap naik dan ketika sambutan Deepavali baru-baru ini, sukar bagi saya mendapatkan bekalan ayam. Walaupun sekarang tiada masalah bekalan, harga ayam pula naik.

"Saya beli ayam kerana ia keperluan asas keluarga, namun saya beli sedikit kerana harga mahal," katanya.

Tinjauan wartawan Harian Metro di Pasar Kajang mendapati rata-rata peniaga menjual ayam pada harga RM9.90 sekilogram.

Headline	Maintenance cost for 14 ministries amounted to RM4m		
MediaTitle	The Malaysian Reserve		
Date	11 Nov 2021	Color	Black/white
Section	Corporate Malaysia	Circulation	12,000
Page No	2	Readership	36,000
Language	English	ArticleSize	136 cm <sup>2</sup>
Journalist	ASILA JALIL	AdValue	RM 959
Frequency	Daily	PR Value	RM 2,877



## Maintenance cost for 14 ministries amounted to RM4m

**THE** maintenance of 14 ministries from 2020 until now has cost the government a total of RM4 million.

In a written reply yesterday, Minister in the Prime Minister's Department (Special Functions) Datuk Dr Abdul Latiff Ahmad gave a breakdown of the cost incurred as a response to a question from Teluk Intan MP Nga Kor Ming who requested for the figure.

According to the list, repair works for the Prime Minister's Department totalled to RM1.07 million, which is the largest amount from the total cost.

The second highest amount came from the Ministry of National Unity which totalled to RM589,618, followed by the Ministry of Domestic Trade and Consumer Affairs at RM425,130.

Works on the Ministry of Plantation Industries and Commodities cost RM398,604 while the Federal Territories Ministry and the Ministry of Science, Technology and Innovation had maintenance work amounted to RM392,202 and 365,240, respectively.

The Finance Ministry had cost the government RM227,375 for its uplift and for the Human Resources Ministry, the cost came up to RM205,191. The cost for the Defence Ministry, and Agriculture and Food Industry Ministry stood at RM123,864 and RM118,793, respectively.

The amount for the Ministry of Health stood at RM49,242, followed by the Youth and Sports Ministry which amounted to RM17,225.

Two ministries that had repair works which totalled to less than RM10,000 were the Malaysian Communication and Multimedia Ministry at RM9,612 and the Ministry of Tourism and Culture at RM8,500. — *by ASILA JALIL*